

Pinda Akta Pendidikan

FAKTA

● 941 maahad tahfiz swasta berdaftar

● 9,470 guru, lebih 150,000 pelajar

● Hanya 612 berdaftar dengan Kementerian Pendidikan

PUTRAJAYA - Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) disyorkan dipinda bagi membolehkan pendaftaran institusi pendidikan Islam swasta termasuk sekolah tahfiz swasta tertakluk di bawah akta itu, dengan persetujuan kerajaan-kerajaan negeri.

Cadangan itu adalah langkah proaktif yang dikemukakan dalam mencari jalan terhadap isu-isu berkaitan sekolah tahfiz termasuk isu keselamatan, berikutan pengurusan sekolah itu kini berada di bawah bidang kuasa kerajaan negeri.

Syor yang dikemukakan pada mesyuarat jawatankuasa peringkat tinggi (HLC) mengenai Pasukan Petugas Khas Sekolah-sekolah Tahfiz, dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi itu melihat keperluan bagi menambah baik Akta 550 untuk penguatkuasaan ke atas sekolah-sekolah tahfiz yang lebih baik.

"Demi kepentingan bersama, saya berharap mereka (kerajaan negeri) bersetuju.



Ahmad Zahid mempengerusikan Mesyuarat HLC Mengenai Pasukan Petugas Khas Sekolah-sekolah Tahfiz, semalam.

"Kita prihatin masalah ini walaupun di bawah bidang kuasa negeri, tetapi kerajaan pusat ambil peduli kerana kita tidak boleh melihat adanya ketidakpedulian oleh maahad tahfiz," kata Ahmad Zahid yang juga Menteri Dalam Negeri kepada pemberita selepas mesyuarat itu di Perdana Putra, di sini, semalam.

Mesyuarat yang mengemukakan beberapa syor untuk isu-isu sekolah tahfiz itu turut dihadiri tujuh menteri Kabinet dan Ketua Polis Negara, Tan Sri Mohamad Fuzi Harun.

Menurutnya, syor-syor mesyuarat HLC itu dikemukakan pada Mesyuarat Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Islam (MKI) yang dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri

Najib Tun Razak, semalam, yang turut dihadiri wakil-wakil kerajaan negeri.

Katanya, syor akan dibentang pada mesyuarat Kabinet hari ini.

Sementara itu, Ahmad Zahid berkata, mesyuarat itu turut mencadangkan agar kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri bertanggungjawab secara bersama menyelaras pentadbiran serta menyalurkan bantuan kewangan, jika perlu.

"Turut dicadangkan premis maahad tahfiz, sekolah agama, rumah anak yatim, rumah orang tua dan pusat asuhan kanak-kanak harus mematuhi piawaian keselamatan.

"Kita juga menggalakkan penubuhan pasukan bomba sukarela di premis tersebut," katanya.

Selain itu katanya, Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH), JBPM, PBT dan Malaysian Association of Facility Management akan mengadakan kempen kesedaran keselamatan secara besar-besaran di semua premis terbabit.

Pasukan petugas khas itu ditubuhkan bagi menyelaras keselamatan sekolah tahfiz, susulan insiden kebakaran Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah di Kuala Lumpur, Khamis lalu yang meragut 23 nyawa termasuk 21 pelajar.

Ahmad Zahid berkata, sejak 1989 hingga insiden terbaru itu, sebanyak 39 kebakaran maahad tahfiz telah berlaku melibatkan 56 kematian dengan 54 daripadanya adalah pelajar. - *Bernama*